



Headline: Rugi RM43,000 diperdaya sindiket Macau Scam Language: Malay

Publication/Portal: Berita Harian
Date: 22 October 2018

Section: Nasional
Page: 62

JENAYAH

Rugi RM43,000 diperdaya sindiket Macau Scam

Subang Jaya: Diugut boleh dikenakan hukuman gantung kerana dikatakan ber-subahat dengan penjenayah dalam kes pengubahan wang haram sebanyak RM1.48 juta, seorang suri rumah kerugian RM43,000 selepas diperdaya sindiket Macau Scam.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisiner Muhammad Azlin Sadari, berkata dalam kejadian Rabu lalu, wanita berusia lingkungan 50-an itu menerima panggilan daripada seorang lelaki memperkenalkan diri sebagai pegawai pentadbiran di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Katanya, dalam perbualan itu, lelaki berkenaan memaklumkan terdapat satu kes perbicaraan yang perlu dihadiri mangsa selaku pemilik sebuah syarikat.

“Mangsa menafikan dakwaan itu dan mahu membuat laporan polis di Subang Jaya, namun dihalang dengan alasan laporan perlu dibuat di Terengganu.

“Kemudian, lelaki berkenaan menyambung panggilan yang dijawab seorang lelaki memperkenalkan diri sebagai Sarjan Jamal dari Ibu Pejabat polis Kontinjen (IPK) Terengganu,” katanya ketika dihubungi semalam.

Muhammad Azlin berkata, dalam perbualan dengan Sarjan Jamal, mangsa dimaklumkan terbabit kes perubahan wang haram berjumlah RM1.48 juta de-

ngan seorang penjenayah.

Katanya, mangsa diasak dengan pelbagai soalan sebelum panggilan disambungkan dengan seorang lagi lelaki memperkenalkan diri sebagai Inspektor Fauzi.

2 transaksi pemindahan

“Ketika bercakap dengan lelaki mengaku pegawai polis berpangkat Inspektor itu, mangsa diugut akan dikenakan tindakan berat, termasuk dihukum gantung jika tidak memberi kerjasma.

“Kemudian, mangsa diminta memindahkan wang ke satu akaun yang dimaklumkan sebagai milik Jabatan Audit Negara bagi membolehkan siasatan dijalankan,” katanya.

Beliau berkata, kerana takut, mangsa membuat dua transaksi pemindahan wang RM43,000 ke satu akaun yang diberikan lelaki itu pada hari sama menerima panggilan.

“Selepas pulang ke rumah pada jam 1 tengah hari, mangsa kemudian terbaca laporan akhbar tempatan mengenai kes seorang wanita kerugian RM1.2 juta ditipu sindiket Macau Scam dan menyedari dia mungkin ditipu berikutan cerita dilaporkan sama seperti berlaku padanya.

“Mangsa kemudian membuat laporan polis di IPD Subang Jaya pada hari sama,” katanya.

Sementara itu, di Kuantan, sindiket Macau Scam

turut menyasarkan golongan pesara apabila seorang bekas guru menjadi mangsa terbaharu yang menyebabkannya kerugian RM57,000.

Pada Jumaat lalu, wanita berusia 56 tahun itu menerima panggilan daripada lelaki mendakwa pegawai Public Bank Kuala Lumpur yang menyatakannya ada membuat pinjaman peribadi RM70,000 dan mempunyai tunggakan tiga bulan, walaupun dinafikan mangsa.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata mangsa kemudian disambungkan kepada seorang ‘pegawai polis’ di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seremban dikenali Inspektor Ridhuan yang mendakwa mangsa terbabit dengan kes pengedaran dadah.

Katanya, ‘pegawai polis’ itu turut mendakwa aset mangsa akan disita dan memberikan akaun suspek.

“Mangsa kemudian memindahkan wang simpanan ke dalam dua akaun diberikan suspek menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM57,000,” katanya dalam kenyataan semalam.

“Mangsa diminta menambah bayaran namun mangsa tidak berbuat demikian dan membuat laporan di IPD Kuantan,” katanya dalam kenyataan semalam.